

# Wadah sebenar bela nasib bangsa

**S:** Bagaimana Kongres Maruah Melayu ini boleh mendapat sambutan ramai sedangkan tiada promosi besar-besaran mengenai perhimpunan ini berbanding satu lagi perhimpunan membabitkan orang Melayu yang diadakan bulan lalu?

**J:** Kita kena melihat penganjuran kongres ini dari sudut positif dan siapa penganjurnya. Ia dianjurkan empat universiti melalui institut dan pusat pengajian yang berkaitan dengan orang Melayu. Universiti Malaya (UM) sebagai penganjur membabitkan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM) di bawah Akademi Pengajian Melayu, begitu juga dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Muzium Warisan Melayu, manakala Universiti Teknologi MARA (UiTM) dikendalikan Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diuruskan Institut Peradaban Melayu (IPM). Saya percaya sambutan orang Melayu walaupun tanpa kempen promosi besar-besaran kerana orang Melayu mulai sedar kepentingan mempertahankan hak dan maruah mereka. Lebih penting kongres ini dianjurkan institusi pendidikan bukan parti politik. Paling penting, kehadiran kongres ini tidak terhad kepada orang politik saja, tetapi dihadiri cendekiawan Melayu, ahli akademik, ahli agamawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu dan Islam. Kita patut ucapkan tahniah kepada penganjur, kerana buat kali pertama dalam tempoh 60 tahun berjaya mengumpulkan orang Melayu memperjuangkan maruah dan hak mereka di negara ini.

**S:** Ada yang mempersoalkan pembabitan universiti dalam penganjuran Kongres Maruah Melayu yang dikatakan menjadi tali barut parti politik dan isu orang Melayu tidak sepatutnya diperjuangkan institusi pendidikan?

**J:** Kongres ini seperti saya katakan tadi anjuran universiti awam melalui institusi yang berkaitan dengan hal ehwal orang Melayu. Jika ingin membantah sepatutnya penubuhan institusi itu dibantah. Ini tidak, apabila institusi ini sudah tertubuh dan mahu menjalankan tugas mereka berkaitan kecemerlangan peradaban dan orang Melayu, termasuk menganjurkan kongres ini, ada yang membantah. Adakah kita mahu institusi ini menjadi 'wayang' saja tanpa menjalankan kerjanya. Kehadiran saya membantu kerana saya orang perantaraan. Saya memang orang politik, dulu orang UMNO pernah jadi ahli Majlis Tertinggi dan kini ahli BERSA-

Kongres Maruah Melayu sudah seminggu berakhir, tetapi sehingga hari ini masih timbul cakap-cakap mengenai perhimpunan yang terbesar selepas kongres Melayu pertama pada 1946 bagi menentang Malayan Union. Lebih 20,000 orang Melayu berhimpun membicarakan hak dan maruah orang Melayu di negara ini. BH berpeluang menemubual perantara Kongres Maruah Melayu dengan kerajaan, Datuk Hamzah Zainuddin di pejabatnya di ibu negara, baru-baru ini. Ikuti penjelasan beliau bersama wartawan ROHANIZA IDRIS berhubung beberapa bantahan dan fitnah terhadap kongres itu.



**“Ini kesepakatan dan kefahaman mereka mengenai kepentingan bersatu atas nama memperjuangkan nasib bangsa, ikhlas untuk kejayaan bersama bukan atas kepentingan politik saja.”**

**Hamzah Zainuddin,**  
Perantara Kongres  
Maruah Melayu  
dengan kerajaan

TU, tetapi tiada jawatan dalam parti. Saya hanya memberi bantuan sebagai insan bernama Melayu yang mahu melihat orang Melayu bersatu. Hari ini saya terpanggil buat penjelasan kerana orang membuat pelbagai tuduhan kepada kongres. Kita patutnya berterima kasih kepada empat universiti dan sekretariat kongres kerana mereka menjadi pejuang bangsa yang sebenar. Jika orang politik gagal menyatukan orang Melayu, kenapa mencaci cendekiawan dan ahli akademi yang berjaya melaksanakannya. Inilah pejuang bangsa yang sebenar, mereka berjaya mengumpulkan semua pihak dari pemimpin politik, NGO, cendekiawan, agamawan, penuntut universiti dan pelbagai latar belakang duduk bersatu membicarakan mengenai bangsanya sendiri. Ini satu kejayaan besar, perhimpunan yang tidak pernah dianjurkan dan menerima sambutan yang begitu hebat.

Resolusi yang dibawa juga dibentangkan dengan jujur tanpa berselindung, kritis dan tidak dipengaruhi emosi. Lebih penting, fakta yang dibawa dan dibentangkan melalui kajian serta penyelidikan mereka mengenai orang Melayu melalui budaya, agama, pendidikan, ekonomi dan politik. Fakta diberikan berwibawa, tiada emosi dan sepatutnya ia dibang-

gakan bukan dicemuh.

**S:** Amanat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad adalah kemuncak kongres yang dinantikan ramai. Namun, ada yang kecewa dengan amanat Perdana Menteri yang hanya menyentuh mengenai kelemahan orang Melayu. Apa pandangan Datuk?

**J:** Itu yang saya pelik, kenapa ramai dalam media sosial yang seakan marah kepada Perdana Menteri. Jika mereka mengikut ucapannya, ada dinyatakan terjemahan ayat Surah Ar-Rad:11 -*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka*. Perdana Menteri menggunakan ayat ini untuk mengejutkan orang Melayu. Sebagai pemimpin berpengalaman, negarawan dan paling lama dalam hal pentadbiran negara, saya fikir apa yang dibangkitkan Dr Mahathir itu sebagai nasihat bapa kepada anaknya, untuk mengingatkan orang Melayu. Apa yang dibangkitkan bukan mengenai bangsa lain, ini mengenai bangsa dan kaumnya sendiri. Beliau mengajak semua bersatu supaya kita lebih kuat, memperoleh berpeluang yang lebih banyak, mereka yang dapat peluang pula tidak mengambil kesempatan dan tidak

menjual kepada orang lain atau membazirkannya. Apa salahnya, beliau cakap mengenai kaumnya. Ada orang kata, bukan tiada Melayu yang tidak berjaya, ya memang betul, ada orang Melayu yang berjaya. Namun, kalau kita rasa Melayu berjaya, mengapa sehingga kini ramai golongan B40 dalam kalangan orang Melayu. Demografi orang Melayu di negara ini adalah 62 peratus dan kumpulan B40 80 peratusnya adalah orang Melayu. Berdasarkan angka ini. Itu sebab Perdana Menteri bangkitkan isu kemiskinan, dari segi aset dimiliki Melayu. Dr Mahathir sudah melihat perkembangan orang Melayu sejak beliau muda sampai usianya 94 tahun, jadi sebab itu kelemahan orang Melayu dibangkitkan. Dr Mahathir membuat pengakuan kerana beliau belum berpuas hati dengan pencapaian orang Melayu. Dr Mahathir mahukan bangsanya lebih maju dan cemerlang.

**S:** Bagaimana reaksi anak muda dengan amanat Perdana Menteri ini?

**J:** Saya berpeluang bertemu beberapa kumpulan anak muda, malah ada yang datang sendiri kepada saya berterima kasih kerana diberi peluang menghadiri kongres itu seterusnya mendengar amanat Dr Mahathir. Mereka menyatakan terharu dengan nasihat Dr Mahathir. Saya rasa penerimaan orang muda baik kerana mereka melihat Dr Mahathir mahu orang Melayu yang berjaya supaya lebih berjaya, yang kurang berjaya untuk lebih berjaya dan yang belum berjaya mengambil peluang berusaha untuk berjaya. Dr Mahathir mahukan kaumnya bukan hanya berjaya dalam negara, tetapi di luar negara dan peringkat antarabangsa. Saya percaya mereka yang 'menyerang' Dr Mahathir ini, orang yang sudah berjaya dan sengaja buat tidak faham dengan mesej yang ingin disampaikan dan berfikiran negatif serta masih dipengaruhi sentimen kepartian. Dr Mahathir mengulangi mesej meminta orang Melayu bekerja lebih kuat

dan pesanan dibuat kerana beliau tiada masa banyak masa.

**S:** Beberapa pemimpin bukan Melayu seperti DAP terus menghentam Dr Mahathir walaupun dalam amanat itu tidak disentuh langsung isu kaum lain. Apa pandangan Datuk?

**J:** Memang ada kumpulan yang menghentam cukup-cukup Dr Mahathir. Apa salahnya beliau bangkitkan isu mengenai kaumnya sendiri, kenapa mereka hendak marah. Adakah mereka takut dengan nasihat beliau itu akan menaikkan semangat orang Melayu. Kalau itulah perasaannya bermakna di dalam hati mereka memang mahu menghancurkan orang Melayu. Kalau orang Melayu setanding bukan Melayu akan mewujudkan suasana yang selesa dan harmoni, mereka sepatutnya menyokong usaha ini. Percayalah orang Melayu adalah kaum yang sentiasa bertoleransi terhadap semua bangsa. Saya hairan mengapa mereka tidak berfikiran positif. Saya melihat kalau semua kaum berjaya, maka tidak timbul isu saling mendengki dan syak wasangka. Fikiran negatif ini, kerana mereka sentiasa mahu melihat orang Melayu bergaduh sesama sendiri untuk membolehkan mereka mengambil kesempatan. Jika ini berlaku kita tidak akan hidup aman, sepatutnya orang bukan Melayu seronok dan memberi sokongan kepada Melayu untuk bersatu supaya kita boleh hidup aman damai.

Kongres ini berjalan dengan tertib dan tidak mengganggu atau menimbulkan keadaan huru-hara atau menimbul kecurigaan kepada orang bukan Melayu. Ini berbeza dengan perhimpunan politik, mahu tidak mahu akan wujud perasaan curiga kepada parti.

**S:** Bagaimana dengan dakwaan kongres ini diadakan mengagalkan pelan peralihan kuasa Dr Mahathir kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

**J:** Kongres Maruah Melayu diadakan atas kapasiti perjuangan mengembalikan maruah Melayu bukan pentas politik. Semua orang Melayu dijemput termasuk pemimpin politik. Saya difahamkan jemputan diberikan kepada pemimpin parti orang Melayu iaitu BERSATU, UMNO dan PAS. Parti lain orang Melayu juga dijemput. Kehadiran Mohamad Sabu kerana beliau menyatakan minat untuk hadir menyebabkan jemputan diberikan. Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamad Azmin Ali pun hadir. Saya rasa jika kita ikhlas dengan perjuangan Melayu, sebagai pemimpin Melayu, kita boleh hadir saja.